



Cadang kursus keibubapaan

KUALA LUMPUR - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merancang menggabungkan kursus keibubapaan dengan kursus praperkahwinan yang kini diwajibkan untuk semua bakal pengantin.

Menterinya, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, ini kerana kursus keibubapaan yang kini dilaksanakan

kurang menarik minat orang ramai.

"Kursus ini untuk mengingatkan ibu bapa dan bakal ibu bapa pentingnya ilmu untuk membesarkan anak-anak," katanya di sini semalam.

Beliau berkata, ilmu tentang keibubapaan penting bagi mendidik anak-anak selain mengelak ibu bapa daripada mengabaikan tanggungjawab mereka.

ROHANI